

# Tiada kata putus status BB Plaza

**KUALA LUMPUR** – Belum ada sebarang kata putus berhubung status bangunan Bukit Bintang (BB) Plaza sama ada ia akan kekal, dirobohkan ataupun diambil alih pihak lain berikutan isu pembinaan stesen My Rapid Transit (MRT).

UDA Holdings Berhad (UDA) dalam kenyataannya berkata, syarikat itu bagaimanapun akan sentiasa mengemas kini maklumat dan berjanji akan memaklumkan kepada penyewa daripada masa ke semasa, sebarang perkembangan terbaru mengenai apa jua keputusan diambil melibatkan masa depan Kompleks BB Plaza.

UDA juga menegaskan bahawa isu berkenaan membabitkan kepentingan bersama termasuk syarikat itu, kakitangan syarikat, kira-kira 400 orang yang bekerja di Kompleks BB Plaza selain penyewa, pihak-pihak yang berkepentingan dan pemegang saham.

“Untuk makluman, pihak UDA sendiri secara rasmi belum menerima sebarang

arahan atau kata putus daripada Kementerian Kewangan mengenai status bangunan BB Plaza ini sama ada ia akan kekal, diroboh atau diambil alih mana-mana pihak.

“Bagaimanapun, UDA sudah mengeluarkan notis penamatan kepada tiga penyewa iaitu Starbucks Coffee, Gloria Jean dan Hot & Roll awal Jun ini, berdasarkan arahan diberikan MRT Corp kepada UDA bagi tujuan pembinaan jalan lencongan di Jalan Bukit Bintang,” menurut kenyataan itu.

Justeru, baki penyewa lain di Kompleks BB Plaza boleh meneruskan operasi mereka seperti biasa sehingga dimaklumkan kelak dan UDA akan cuba memastikan nasib penyewa terbabit sentiasa terpelihara.

Semalam, UDA menerima satu memorandum yang ditandatangani seramai 48 penyewa Kompleks BB Plaza berhubung isu pembinaan stesen MRT yang membabitkan kompleks perniagaan berusia 33 tahun itu.